

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS MENGADAP DAN ISTIADAT PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN
SEMPENA ULANGTAHUN HARI KEPUTERAAN BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

TEMPAT: ISTANA NEGARA, KUALA LUMPUR

TARIKH: 01 JUN 2002

MASA:

Dengan penuh hormat dan takzim-Nya pihak Kerajaan, pegawai, kakitangan dan seluruh rakyat mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuanku sempena ulangtahun Keputeraan rasmi Tuanku pada hari ini. Rakyat sekalian berdoa ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala semoga dilanjutkan usia serta dilimpahkan rahmat-Nya ke atas Tuanku dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah dan semoga Tuanku berdua berada di dalam keadaan sihat sejahtera dan penuh kedaulatan.

2. Syukur Alhamdulillah, negara berada dalam keadaan aman dan tenteram dengan rakyat berbilang kaum hidup berharmoni tanpa menghadapi sebarang pertelingkahan yang boleh menjejaskan perpaduan dan kestabilan negara. Persefahaman dan sikap toleransi antara kaum yang ditunjuk semasa Pilihanraya 1995 masih kekal. Jika dahulu syarikat-syarikat milik masing-masing kaum dianggotai oleh kaum itu sahaja, sekarang syarikat-syarikat ini tidak lagi terasing kerana pemilikan oleh kaum tertentu. Banyak syarikat dimiliki bersama oleh semua kaum dan dianggotai oleh pengarah dan pekerja yang juga terdiri daripada berbagai-bagai kaum. Penyertaan mereka adalah secara benar dan tidak lagi berbentuk Ali-Baba.

3. Kemampuan Bumiputera juga sudah meningkat baik daripada segi profesional mahupun daripada segi kewangan. Pada hari ini juga terdapat syarikat-syarikat yang dahulu dimiliki oleh bukan Bumiputera, sekarang sudah dibeli dan diurus oleh Bumiputera. Namun masih ramai Bumiputera yang telah menjual kepentingan mereka dalam syarikat-syarikat kepada bukan Bumiputera.

4. Penyertaan Bumiputera dalam kegiatan ekonomi juga meningkat dengan pesat hasil daripada panduan dan kemudahan kewangan yang disediakan oleh Kerajaan. Melalui Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dan sistem francais, semakin ramai Bumiputera didapati bergerak dalam bidang industri kecil dan sederhana. Sementara itu, penswastaan agensi dan syarikat milik Kerajaan telah terus

berjaya melibatkan Bumiputera dalam perniagaan dan perusahaan yang lebih besar.

5. Demikianlah perkembangan penyertaan Bumiputera dalam bidang ekonomi sehingga hari ini ramai daripada mereka mampu melabur dan bergerak di negara-negara asing termasuk di Eropah, Amerika Utara dan Selatan. Aliran ini diperhatikan akan berterusan dan usaha untuk menghapuskan identifikasi kaum dengan jenis pekerjaan, Insya Allah, akan berjaya.

6. Kerajaan akan terus berusaha untuk mengembangkan penggunaan bahasa Kebangsaan oleh semua kaum di negara ini. Adalah didapati ramai penuntut bukan Melayu yang amat fasih bertutur dalam bahasa Malaysia bahkan menulis pantun dan rencana dalam bahasa tersebut. Dengan tekanan supaya bahasa Kebangsaan dikuasai dan diguna oleh semua kaum di Malaysia, adalah dipercayai kedudukannya tidak akan terancam dan ia tetap akan menjadi bahasa perpaduan rakyat Malaysia.

7. Di masa yang sama Kerajaan sedang menggalakkan penguasaan bahasa Inggeris terutama untuk peningkatan ilmu. Matlamat negara untuk mengguna sains dan teknologi yang canggih memaksa kita menguasai dengan baik bahasa Inggeris. Ini adalah kerana ilmu sains dan teknologi yang baru sedang berkembang secara mendadak dan kita terlalu kekurangan ahli-ahli sains dan dengan itu tidak sempat untuk mengalih bahasa semua ilmu untuk dipelajari oleh penuntut kita. Adalah dikhuatiri jika kita tidak bersungguh-sungguh menguasai bahasa Inggeris, pembangunan bangsa kita akan tergendala. Beberapa bangsa Timur yang lebih maju daripada kita juga terpaksa mensyaratkan kakitangan syarikat-syarikat gergasi mereka, terutama yang terlibat dengan teknologi maklumat dan multimedia mempelajari bahasa Inggeris. Penguasaan bahasa Inggeris oleh mereka tidak mengurangkan identiti bangsa atau bahasa mereka.

8. Sebenarnya kemajuan penggunaan bahasa Kebangsaan bergantung kepada kemajuan orang yang bertutur dalam bahasa Kebangsaan. Jika orang yang berbahasa Kebangsaan sebagai bahasa ibunda adalah orang yang mundur maka akan merosotlah prestasi bahasa Kebangsaan. Memandang akan hakikat ini, usaha untuk memajukan bangsa yang menggunakan bahasa Kebangsaan sebagai bahasa ibunda amatlah penting. Jika untuk memajukan bangsa maka bahasa asing, khususnya bahasa Inggeris perlu dikuasai, maka penguasaan bahasa Inggeris akan diperluaskan di kalangan rakyat Malaysia. Usaha ini hendaklah dijadikan sebagai sebahagian daripada perjuangan mendaulatkan bahasa Kebangsaan. Slogan kita sekarang ialah maju bangsa, majulah bahasa.

9. Tahun ini Kerajaan telah melancarkan Rancangan Malaysia Ketujuh. Rancangan ini memperkenalkan strategi baru dalam pembangunan negara. Oleh kerana rancangan-rancangan yang terdahulu begitu berjaya sehingga negara kekurangan tenaga pekerja, Rancangan Malaysia Ketujuh menumpu kepada perindustrian berteknologi dan bermodal tinggi yang keluarannya adalah untuk pasaran dunia. Hingga kini syarikat-syarikat asing yang banyak menyumbang kepada dagangan antarabangsa Malaysia. Sekarang syarikat-syarikat tempatan akan digalakkan untuk mengeluarkan barangan dengan jenama Malaysia untuk dieksport ke pasaran dunia. Dengan cara ini hasil eksport akan didapati sepenuhnya oleh negara.

10. Adalah dipercayai bahawa pertumbuhan ekonomi di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh akan terus melebihi 7 peratus setahun. Dengan kerjasama semua pihak, Insya Allah negara akan dapat mencapai matlamat Rancangan Malaysia Ketujuh dan menyumbang kepada pencapaian Wawasan 2020.

11. Kerajaan dan ahli-ahli Jemaah Menteri sukalah memberi jaminan bahawa mereka akan terus berusaha memberi sokongan dan bantuan kepada Tuanku berdua dalam menjalankan tugas-tugas Tuanku sebagai Yang di-Pertuan Agong dan Tuanku Najihah sebagai Raja Permaisuri Agong sepertimana yang termaktub di dalam Perlembagaan dan selaras dengan prinsip sistem Raja Berperlembagaan.

12. Sempena dengan hari yang berbahagia ini yang penuh dengan adat istiadat, Kerajaan, pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam dan rakyat, dengan hormat dan penuh takzim-Nya menyampaikan ikrar taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada Tuanku sebagai Raja yang memerintah dan juga kepada Raja Permaisuri Agong.